

By : TAN SRI MOHD. SIDEK BIN HJ. HASSAN  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA  
Venue : PASIR PUTEH, KELANTAN  
Date : 02/03/2008  
Title : MAJLIS PERASMIAN SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT JAWA 2

Bismillahir rahmannir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin bin Buang  
Ketua Audit Negara

Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Y. Bhg. Tan Sri Khalid bin Ramli  
Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan

Y. Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim  
Ketua Pengarah Kerja Raya

Y. Bhg. Tan Sri Zulkurnain bin Haji Awang  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran Malaysia

Y. Bhg. Dato' Alimudin bin Mohd Dom, Ketua Pengarah Pelajaran

Yang Berhormat Dato' Haji Aiseri bin Alias  
Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

Tuan Haji Shukri bin Mohd Salleh  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan

En. Mohd Kamal bin Abd Rahman  
Guru Besar Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa 2

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pelajaran

Pegawai-pegawai Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah

Pengetua-pengetua dan Guru-guru Besar serta guru-guru

Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa PIBG

Penghulu dan Anak Mukim Kampung Alor Hijau, Selising

Murid-murid SK Bukit Jawa 2

Dif-dif Jemputan,  
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan rahmat Nya jua kita dapat berhimpun bersama-sama bagi menjayakan Majlis Perasmian Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa 2, Pasir Puteh pada pagi ini.

2. Terlebih dahulu saya memohon maaf kerana Majlis Perasmian ini tidak dapat diadakan pada tarikh yang lebih awal walaupun telah berusaha untuk menjadualkannya. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, khasnya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishamuddin bin Tun Hussien, Menteri Pelajaran Malaysia kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa 2 ini. Saya amat bersyukur projek pembinaan sekolah ini akhirnya dapat disempurnakan setelah tergendala selama lebih kurang empat tahun.

3. Sekolah ini adalah merupakan salah sebuah daripada 268 projek sakit dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang telah berjaya dipulihkan oleh Kementerian Pelajaran. Saya difahamkan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Y. Bhg. Tan Sri Zulkurnain telah turun padang beberapa kali bagi memastikan proses pembinaan sekolah ini berjalan lancar. Khabarnya beliau telah menunaikan nazarnya dengan menyembelih seekor kambing apabila projek ini telah dapat disiapkan sebelum sesi persekolahan 2008 bermula.

4. Saya mengucapkan terima kasih atas komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia serta ahli Jawatankuasa Penyelamat Projek Sakit Kementerian Pelajaran, dan semua pegawai yang terlibat. Saya gembira sekolah ini akhirnya telah dapat digunakan oleh anak-anak di sekitar Mukim Bukit Jawa ini untuk sesi persekolahan 2008.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya tertarik dengan kaedah inovatif yang digunakan bagi menyelesaikan masalah kelewatan menyiapkan sekolah ini. Sehingga bulan November 2007, penilaian yang dibuat mendapati sekolah tidak akan dapat digunakan pada sesi persekolahan 2008. Lalu, apa yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran sebagai Pegawai Pengawal ialah dengan menamatkan kontrak pembinaan sekolah, dan serentak dengan itu tenaga pegawai-pegawai Kementerian dan Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan digembleng bersama dengan 18 kontraktor kelas F tempatan yang dilantik dalam pelbagai bidang bagi menyiapkan projek. Kerja pembinaan dilakukan siang dan malam dengan pegawai-pegawai berkenaan "berkampung" di sini. Ianya dilakukan secara 'gotong royong' sehingga pembinaan sekolah selesai beberapa hari sebelum sekolah dibuka. Sesungguhnya, ini membuktikan komitmen dan prihatin Kementerian terhadap pendidikan anak-anak kita.

6. Syabas diucapkan kepada Kementerian Pelajaran, khususnya Jawatankuasa Projek Sakit kerana melalui pemantauan yang rapi telah berjaya memulihkan projek sakit di bawah Kementerian di seluruh negara. Saya percaya, dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur, aspek pemantauan dan penilaian merupakan salah satu aspek utama yang perlu diberikan penekanan. Ia bertitik tolak dari prinsip asas perancangan sesuatu projek yang bermula dengan aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian akhir atau impak kepada pengguna atau penerima faedah secara langsung.

7. Kepentingan aspek pemantauan ini telah digariskan di dalam satu surat Arahan yang menyarankan supaya Mesyuarat Pemantauan Projek perlu diadakan sekurang-kurangnya 2 kali sebulan. Ini adalah bagi memastikan projek-projek awam berjalan dengan baik seperti yang kerap ditekankan oleh YAB Perdana Menteri. Di samping itu, Kerajaan juga telah memutuskan agar semua kementerian membudayakan penilaian terhadap program pembangunan yang dilaksanakan. Ianya bertujuan untuk memastikan setiap projek yang dilaksanakan, dinilai supaya faedah yang diperoleh oleh kumpulan sasaran adalah terjamin, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Berdasarkan latar belakang pelaksanaan projek ini, saya melihat pemilihan kontraktor yang berwibawa, cekap, amanah dan bertanggungjawab adalah amat penting sekali. Kegagalan pihak kontraktor menyiapkan kerja dalam masa yang ditetapkan menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam di samping rakyat lambat menikmati manfaat projek berkenaan mengikut masa yang dijanjikan. Kerajaan pula terpaksa menanggung kerugian serta kos tambahan bagi menyiapkan projek sakit yang disebabkan oleh ketirisan, atau sikap 'berniaga atas angin' di kalangan kontraktor yang tidak

bertanggungjawab.

9. Namun demikian, kelewatan juga boleh berpunca daripada pihak kerajaan khususnya anggota perkhidmatan awam. Oleh itu, kita perlu mengambil tindakan untuk mengurangkan karenah birokrasi, memantapkan lagi proses dan prosedur agar lebih efektif serta meningkatkan integriti ke arah memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada rakyat. Hanya dengan amalan nilai murni kita akan dapat membentuk anggota perkhidmatan awam yang cekap dan berintegriti, serta melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan adil dan sempurna, Insya Allah.

10. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan syabas di atas prestasi yang ditunjukkan oleh Kementerian Pelajaran dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia ke-9. Bagi tahun 2007, Kementerian Pelajaran telah berjaya membelanjakan 94.4% peruntukan pembangunannya, dan saya berharap agar pada tahun 2008 ini ianya dapat dipertingkatkan lagi sehingga ke 100%.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Melihat kepada tindakan dan langkah awal yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi memastikan masalah projek sakit tidak berulang dalam Rancangan Malaysia Ke-9, saya percaya ia memerlukan komitmen serta kerjasama semua pihak. Ini adalah kerana pelaksanaan projek pembangunan melibatkan pelbagai pihak, baik Kerajaan mahupun swasta, bagi memastikan lebih 17,000 projek di bawah RMK-9, dilaksanakan mengikut jadual. Sekiranya jalinan kerjasama antara jabatan Kerajaan dengan pihak swasta kurang berkesan, maka pelbagai masalah akan timbul ketika projek sedang dilaksanakan.

12. Ketelitian di peringkat perancangan projek seperti memilih tapak yang sesuai dan memilih kontraktor yang mempunyai track record yang baik perlu diberikan perhatian. Begitu juga apabila projek mula dilaksanakan, langkah pemantauan yang rapi seperti lawatan mengejut dan berkala ke tapak projek merupakan satu mekanisme pemantauan yang berkesan. Menamatkan kontraktor yang bermasalah lebih awal setelah diberi amaran yang tegas juga merupakan satu langkah yang baik dan proaktif bagi mengelakkan projek menjadi sakit.

13. Dalam hubungan ini, sebagai Pengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negara, yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah agensi pusat, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk memantau prestasi semua Kementerian serta memastikan semua masalah yang dikemukakan berkaitan pelaksanaan projek dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dengan pembukaan sekolah ini, adalah diharapkan ianya dapat dimanfaatkan oleh penduduk setempat yang telah menunggu sejak tahun 2004. Ibu bapa pula tidak perlu lagi menghantar anak-anak ke sekolah yang lebih jauh dan pihak pengurusan sekolah boleh menjalankan pelbagai aktiviti sama ada kurikulum atau kokurikulum dengan lebih lancar.

15. Bagi mencapai kecemerlangan dalam pendidikan negara, semua pihak perlu menggalas tanggungjawab dan tidak meletakkan tanggungjawab pendidikan anak-anak kepada kerajaan semata-mata. Kemudahan prasarana yang lengkap, peranan guru dan kerajaan bukanlah jaminan ke arah melahirkan insan yang berkualiti sekiranya ibu bapa dan masyarakat tidak memainkan peranan masing-masing.

16. Pada hari Sabtu, 23 Februari 2008 yang lepas, saya telah menghadiri Mesyuarat PIBG sekolah anak saya, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Subang Jaya. Tidak ramai ibu bapa yang hadir, iaitu kurang 100 orang. SMK Subang Jaya mempunyai 1,376 murid, ahli PIBG termasuk guru adalah seramai 126 orang, jumlah ibu bapa yang hadir dalam mesyuarat tersebut adalah seramai 60 orang, termasuk saya

dan isteri saya.

Saudara-saudari sekalian,

17. YAB Perdana Menteri menyatakan pembangunan modal insan amat bergantung kepada sistem pendidikan yang berkualiti. Sudah jelas, misi dan visi ini telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Pelajaran yang bertanggungjawab bagi memenuhi keperluan negara ini. Saya berdoa agar dengan beroperasinya sekolah ini dapat memberi semangat baru kepada guru dan pihak pengurusan sekolah serta pelajar-pelajar dalam meningkatkan lagi kecemerlangan.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, suka saya mengingatkan kepada semua penjawat awam, kita sama-sama memikul tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Walau pun projek pembinaan sekolah ini pada peringkat permulaannya menghadapi masalah, namun berkat ketekunan dan kesungguhan padu pegawai Kementerian Pelajaran dan semua agensi yang terlibat, projek ini telah dapat disempurnakan. Bagi memastikan semua projek pembangunan RMK-9 dapat disiapkan seperti dijadualkan, komitmen dan integriti warga Perkhidmatan Awam adalah amat diperlukan.

19. Tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola yang telah mengaturkan majlis dengan kadar yang sederhana tetapi terserlah kemegahannya. Kerajaan sentiasa menggalakkan agar kita berjimat cermat dalam membelanjakan wang kerajaan, termasuk dalam mengadakan majlis-majlis perasmian seperti ini.

20. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacita saya merasmikan Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa 2 ini.

Sekian,

Wabillahittaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.